

January 2015



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

th  
ISSUE

# 69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

# MISI AKADEMIK UiTM SARAWAK DI BARAM

Oleh: Faizul bin Adenan dan Mahzaruddin Mahathir

Pada 18-20 Ogos 2014, UiTM Sarawak telah menyertai Program Pendidikan Komuniti Penan di SK Long Jekitan, Baram, Miri yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru, Kampus Batu Lintang dengan kerjasama Samling Sdn. Bhd. bersama-sama 17 agensi yang lain. Misi Akademik ini telah diwakili oleh dua pegawai bertugas, iaitu Encik Faizul bin Adenan dan Encik Mahzaruddin Mahathir. Seramai 600 orang pengunjung hadir di sepanjang program ini berjalan.

Objektif utama program ini ialah memperkenalkan UiTM sebagai medium untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan menerangkan kursus-kursus yang ditawarkan di UiTM, khususnya UiTM Kampus Kota Samarahan. Di samping itu, Misi Akademik ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan serba sedikit perihal kepentingan pendidikan serta kesan kepada kaum Penan, khususnya kepada keluarga mereka sendiri, dan mencari serta memberi peluang kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang masih gagal untuk meneruskan pengajian berdasarkan pencapaian keputusan SPM masing-masing.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pameran dan pembukaan booth di dalam Dewan Masyarakat, taklimat ringkas mengenai UiTM kepada penduduk kampung dan lawatan ke rumah-rumah orang Penan untuk mencari anak Penan yang berpotensi meneruskan pengajian di UiTM. Program ini telah berjaya mendapatkan beberapa orang Kenyah dari Long Mengkaba yang ingin meneruskan pengajian ke UiTM.

Pada masa akan datang, adalah diharapkan Misi Akademik seperti ini boleh menjurus dan memfokus kepada kawasan pedalaman,



terutamanya yang melibatkan kawasan orang Penan, Kenyah dan Kayan. Pelajar lepasan SPM sedikit sebanyak mendapat informasi yang tepat mengenai tawaran serta syarat kemasukan ke UiTM. Pelajar-pelajar ini selama ini tidak tahu akan peluang yang disediakan oleh UiTM, khususnya seperti program Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB). Oleh yang demikian, taklimat mengenai kemasukan ke universiti boleh dijalankan di sekolah-sekolah menengah terutamanya di kawasan pedalaman yang hanya boleh diakses melalui jalan pambalakan dan sungai.

Kesimpulannya, program sebegini sangat bermanfaat dan perlu diteruskan sama ada atas dasar dijemput ataupun inisiatif UiTM sendiri memandangkan ramai pelajar pedalaman lepasan SPM berkelayakan untuk meneruskan pengajian ke UiTM.

## MISI AKADEMIK UiTM DI BETONG

Pada 16-17 Ogos 2014, UiTM Sarawak telah mengadakan satu Misi Akademik di Bilik Mesyuarat Hotel Medan, Betong yang diwakili oleh dua orang pensyarah iaitu Dr. Corina Joseph dan Puan Liew Siew Kee. Kumpulan sasaran Misi Akademik ini ialah para pelajar lepasan SPM.

Program ini telah berjalan dengan jayanya dan telah dikunjungi oleh pelajar lepasan SPM/STPM, para ibubapa dan orang ramai. Walau bagaimanapun, sambutan agak kurang jika dibandingkan dengan Misi Akademik 28-30 Mac 2014 yang lepas.

Objektif utama Misi Akademik ini ialah untuk memberi maklumat tentang program-program yang ditawarkan di UiTM dan mendapatkan seramai mungkin calon pelajar baru. Antara aktiviti yang diadakan ialah sesi kaunseling dan pameran.

Berdasarkan maklumbalas pengunjung, ramai di antara mereka keliru dengan program Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB) yang diadakan di Saratok pada 21 Ogos 2014. Mereka beranggapan program Misi Akademik yang diiklankan adalah sama dengan program MDAB.

Misi Akademik di Betong ini dilihat telah berjaya mencapai matlamatnya dalam menyebarkan maklumat yang tepat kepada pelajar.

## MISI AKADEMIK UiTM SARAWAK KE SIBU

Oleh: Annie Wong Muk Ngiik

Bertempat di Bangunan Sanyan, Sibu, dua petugas iaitu Profesor Madya Annie Wong Muk Ngiik dan Puan Nur Farahiah Ibrahim telah menjalankan tugas misi akademik bermula pada 16 hingga 17 Ogos 2014. Misi ini dikatakan berjaya kerana lebih dari 100 pengunjung mengunjungi kaunter dan bilangan pelajar yang memohon untuk sesi yang akan datang adalah berjumlah 93 orang. Di antara objektif yang dicapai adalah memperkenalkan dan membuat promosi tentang program-program yang ditawarkan oleh UiTM Sarawak kepada calon-calon di bahagian Sibu, membantu calon-calon yang menghadapi kesulitan dalam mengisi borang permohonan (atas talian untuk semua program dan hard copy bagi program MDAB) dan memberi nasihat kepada calon-calon tentang pilihan program dan prospek kerja bagi program yang dipilih.



## Program Ceramah Kerjaya Bersama SMK Muara Tuang

Oleh: Shahrina binti Shah Jehan

Pada 19 Ogos 2014 yang lepas, Fakulti Sains Gunaan (FSG) telah mengadakan program ceramah kerjaya dengan mensasarkan pelajar-pelajar sains terutamanya pelajar bumiputra Tingkatan 4 dan 5. Lebih kurang 70 pelajar dari SMK Muara Tuang telah hadir pada sesi ceramah ini yang disampaikan oleh Ketua Pusat Pengajian FSG, Dr. Mohamad Isa b. Mohamad. Program diteruskan dengan sesi soal-jawab di antara pelajar dan penceramah.

Tujuan utama ceramah ini diadakan adalah untuk memandu hala-tuju pelajar setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memberi peluang yang terbaik kepada para pelajar khususnya bumiputra mengenai bidang-bidang pengajian yang ditawarkan oleh UiTM, Samarahan umumnya dan Fakulti Sains Gunaan khususnya. Ini juga bagi memastikan matlamat kerjaya para pelajar tercapai dengan memilih pelan pengajian yang sewajarnya.

Secara keseluruhannya, maklum balas dari pelajar terhadap ceramah ini adalah amat memberangsangkan yang dapat dilihat dari bilangan pelajar yang ramai bertanyakan soalan setelah sesi ceramah dijalankan. Cenderahati telah disampaikan oleh penceramah kepada pelajar dan guru iringan setelah selesai sesi ceramah.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

## **Corporate Communications & International Relations**

**Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,  
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,  
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300  
E-mail: [corporate@sarawak.uitm.edu.my](mailto:corporate@sarawak.uitm.edu.my)  
[www.sarawak.uitm.edu.my](http://www.sarawak.uitm.edu.my)**